



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT



Membina Negara Prihatin, Bermasyarakat Dan Muafakat

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)



PENASIHAT YBhg. Dato' Dr. Junaidah binti Kamarruddin
KETUA PENGARANG Puan Alice Suriati binti Mazlan
PENASIHAT PENYELIDIKAN Encik Mohd Haizul bin Hod / Puan Norlida binti Mohd Ibrahim
SUMBER FOTOGRAFI KPWKM/JKM/LPPKN/ISM/JPW/YKN

DITERBITKAN DI MALAYSIA OLEH



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
(KPWKM)**

No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya, MALAYSIA

ISBN 978-983-3252-14-5

REKA BENTUK DAN SUSUN ATUR BUKU OLEH
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Diterbitkan pada 2020

© **HAK CIPTA TERPELIHARA** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Semua hak terpelihara. Sebarang penerbitan semula atau terjemahan kandungan penerbitan ini hendaklah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

www.kpwkm.gov.my

Membina Negara Prihatin, Bermasyarakat dan Muafakat

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)

KANDUNGAN



PRAKATA KSU

07



**JABATAN
PEMBANGUNAN
WANITA (JPW)**

36



**LEMBAGA
PENDUDUK DAN
PEMBANGUNAN
KELUARGA
NEGARA (LPPKN)**

60



**JABATAN
KEBAJIKAN
MASYARAKAT
(JKM)**

09



**INSTITUT SOSIAL
MALAYSIA (ISM)**

51



**YAYASAN
KEBAJIKAN
NEGARA (YKN)**

79

**" Keluarga yang bahagia
adalah tonggak kehidupan
masyarakat yang harmoni.
Saya percaya perasaan
kasih sayang yang dipupuk
sesama ahli keluarga dan
kejiranan akan membentuk
sebuah negara yang
harmonis dan sejahtera. ”**

**YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN
PERDANA MENTERI MALAYSIA KE-8**

**"Pewujudan
sebuah Kementerian
yang lengkap
menggambarkan
komitmen Kerajaan
yang tinggi untuk
meningkatkan
martabat wanita
di negara ini."**



SEKAPUR SIRIH

Prakata Ketua Setiausaha KPWKM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam Sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan izin-Nya jua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah berjaya menerbitkan buku berjudul “Membina Negara Prihatin, Bermasyarakat dan Muafakat”. Buku ini merekodkan pelbagai pencapaian Kementerian bersama Jabatan dan Agensi ke arah fasa akhir pelaksanaan teras strategi KPWKM (2016 hingga 2020) untuk menjadi peneraju utama bagi mencapai kesaksamaan gender, pembangunan keluarga dan masyarakat penyayang serta sejahtera sebagai asas pembentukan sebuah negara maju yang terbilang.

Sepanjang tahun 2019, KPWKM bersama Jabatan dan Agensi telah secara menyeluruh menyampaikan perkhidmatan sosial kepada pelbagai lapisan masyarakat bagi memastikan kesejahteraan dan kemakmuran masyarakat terlaksana. Syabas dan tahniah kepada semua warga KPWKM bersama Jabatan dan Agensi yang telah mencurahkan tenaga dan keringat serta usaha yang berterusan demi membentuk masyarakat yang sejahtera melalui perkongsian tanggungjawab yang strategik dan penyampaian perkhidmatan pembangunan yang cekap dan berkesan.

Saya menyeru kepada semua warga KPWKM bersama-sama kepimpinan dari Jabatan dan Agensi untuk mempergiatkan usaha dengan komitmen yang tidak berbelah bahagi untuk membangunkan kesejahteraan rakyat melalui pelbagai teras strategi kementerian yang memberi tumpuan kepada bantuan untuk wanita, keluarga dan masyarakat. Semoga penerbitan buku ini menjadi sumber rujukan dan hebahan maklumat kepada pihak umum demi meningkatkan pengetahuan mereka mengenai perkhidmatan KPWKM.

" ... mencapai kesaksamaan gender, pembangunan keluarga dan masyarakat penyayang serta sejahtera sebagai asas pembentukan sebuah negara maju yang terbilang. "

Dato' Dr. Junaidah binti Kamarruddin
Ketua Setiausaha KPWKM




01.

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan agensi awam yang menjadi teras pembinaan dan pembangunan negara ini semenjak ditubuhkan pada tahun 1946 selepas Perang Dunia Kedua, iaitu sedekad sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan.

Selama 74 tahun, JKM tidak pernah menyimpang daripada visinya sebagai peneraju utama kebajikan dalam pembangunan dan kesejahteraan masyarakat Malaysia.



10 kumpulan sasaran Jabatan Kebajikan Masyarakat ialah:



Mandat JKM digariskan oleh undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa iaitu 1 Senarai Bersama Perlembagaan Malaysia, 7 Akta, 6 Perundangan dan Akta berkaitan lain, 14 Peraturan, 5 Kaedah dan 5 Dasar utama kerajaan.

Perundangan

1

SENARAI BERSAMA – CONCURRENT SERVICE

Perlembagaan
Persekutuan, Jadual
Kesembilan, Senarai
III-Senarai Bersama

7

AKTA-AKTA

- 1 Akta Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat (Diperbadankan) 1948
- 2 Akta Orang-Orang Papa 1977
- 3 Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Pindaan) 2007
- 4 Akta Pusat Jagaan 1993
- 5 Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Pindaan) 2017
- 6 Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan) 2016
- 7 Akta Orang Kurang Upaya 2008

6

PERUNDANGAN DAN AKTA-AKTA LAIN YANG BERKAITAN

- 1 P.U.(A) 184 Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 2) 2013
- 2 Akta Pengangkatan 1952 [Sesyen 12, 13, 20 & 22]
- 3 Akta Pendaftaran Pengangkatan 1952 [*Guardianship of Infants Act 1991*] [Pindaan 1999]
- 4 Kanun Tatacara Jenayah [Pindaan 2006] [Subperenggan 293(1)(e),(i),(ii),(iii)]
- 5 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran (ATIPSOM) 2007
- 6 Akta Keterangan Saksi Kanak-Kanak 2007

5

DASAR

- 1 Dasar Kebajikan Masyarakat Negara 1990
- 2 Dasar Orang Kurang Upaya 2007
- 3 Dasar Kanak-Kanak Negara 2009

14

PERATURAN

- 1 Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Pasukan Perlindungan Kanak-Kanak & Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak) 2017
- 2 Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Pembantu Pelindung) 2017
- 3 Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Sekolah Diluluskan) 2017
- 4 Peraturan-Peraturan Asrama Akhlak 2017
- 5 Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak 2012
- 6 Peraturan-Peraturan Taman Asuhan Kanak-Kanak (Pengkompaunan Kesalahan) 2011
- 7 Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994
- 8 Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan (Pengkompaunan Kesalahan) 2011
- 9 Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Borang dan Daftar Ditetapkan) 2007
- 10 Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Tempat Selamat) 2017
- 11 Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Orang Yang Layak dan Sesuai) 2017
- 12 Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Tempat Perlindungan) 2017
- 13 Peraturan-Peraturan Kanak-Kanak (Pemeliharaan Berasaskan Keluarga) 2017
- 14 Peraturan-Peraturan Keganasan Rumahtangga (Borang Yang Ditetapkan) 2018

5


KAEDAH

- 1 Kaedah-Kaedah bagi Pusat-Pusat Pemulihan Cacat Akal 1977
- 2 Kaedah-Kaedah Pengurusan Rumah-Rumah Pesakit Melarat 1978
- 3 Kaedah-Kaedah Workshop Terlindung 1979
- 4 Kaedah-Kaedah (Rumah Kebajikan) Orang-Orang Papa 1981
- 5 Kaedah-Kaedah bagi Pengurusan Rumah Orang Tua 1983

- 4 Dasar Perlindungan Kanak-Kanak Negara 2009
- 5 Dasar Warga Emas Negara 2011

Tahun 2020 dan ke hadapan, JKM telah menetapkan sembilan hala tuju utama dalam pelaksanaan dasar, gerak kerja dan aktiviti.

Hala Tuju JKM



Tujuh bahagian JKM digerakkan dan digembleng untuk merealisasikan hala tuju yang telah ditetapkan, iaitu Jabatan Pembangunan OKU, Bahagian Kanak-Kanak, Bahagian Warga Emas, Bahagian Komuniti, Bahagian Kebajikan Produktif, Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan dan Bahagian Pengurusan Maklumat.

JABATAN PEMBANGUNAN OKU (JPOKU)

Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) telah ditubuhkan pada 1 September 2008 dan mula beroperasi pada 1 Mei 2009.

Fungsi bahagian ini adalah untuk menyediakan perkhidmatan dan kemudahan jagaan, perlindungan, pemulihan, latihan serta peluang pekerjaan kepada Orang Kurang Upaya, di samping menggalakkan penyertaan aktif komuniti setempat melalui pengintegrasian dan pembangunan Orang Kurang Upaya.

Menurut Akta Orang Kurang Upaya 2008, takrif Orang Kurang Upaya (OKU) "termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh

menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat".

Setakat Disember 2019, jumlah OKU yang berdaftar bawah JKM ialah **548,195** orang atau **1.71%** daripada jumlah penduduk Malaysia iaitu seramai 32 juta orang.

Golongan OKU berdaftar ini terbahagi kepada tujuh kategori iaitu Penglihatan,

Pendengaran, Fizikal, Pertuturan, Mental, Pembelajaran dan Pelbagai, dengan subkategori Pembelajaran dikelaskan kepada *Global Development Delay (GDD)*, *Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)*, Intelektual, Autisme, Sindrom Down (SD), dan *Specific Learning Disabilities (LD)*.


Setiap seorang OKU berdaftar diberikan **Kad OKU Malaysia** yang baharu.



Statistik Golongan OKU Berdaftar Malaysia Berasaskan Kategori

Statistik Golongan OKU Berdaftar (2019)

Jumlah Penduduk
32 JUTA



Terkini sehingga Disember 2019
Sumber: Sistem Pengurusan Maklumat OKU (SMOKU)

SUBKATEGORI OKU PEMBELAJARAN

- GLOBAL DEVELOPMENT DELAY (GDD)
- ATTENTION DEFICIT HYPERACTIVITY DISORDER (ADHD)
- INTELEKTUAL
- AUTISME
- SINDROM DOWN (SD)
- SPECIFIC LEARNING DISABILITIES (LD)

7 KATEGORI



FIZIKAL
197,414



PEMBELAJARAN
189,698



PENGLIHATAN
48,645



MENTAL
45,401



PENDENGARAN
38,676




PERTUTURAN
2,812



PELBAGAI
25,549

Dasar OKU dibangunkan pada bulan November 2007, manakala Pelan Tindakan telah dikaji semula pada tahun 2016.



Dasar OKU menyediakan asas kesaksamaan hak dan peluang kepada OKU untuk menyertai masyarakat sepenuhnya. Dasar ini turut mengutamakan nilai hak kemanusiaan seperti kemuliaan, kehormatan dan kebebasan bagi membolehkan mereka hidup berdikari.

Pelan Tindakan OKU telah mengambil kira *Incheon Strategy* (2013-2022) yang merangkumi 15 strategi (termasuk advokasi, ketercapaian, pendidikan, kesihatan, pekerjaan, sokongan sosial dan sebagainya).

*Dibangunkan pada bulan November 2007,
Pelan Tindakan dikaji semula pada tahun 2016.*

Diluluskan pada Disember 2007 dan dikuatkuasakan pada 7 Julai 2008, **Akta Orang Kurang Upaya 2008** bertujuan memastikan hak dan kebajikan OKU terjamin (*rights-based act*).

Akta ini memperuntukkan pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kebajikan golongan OKU, penubuhan Majlis Kebangsaan OKU dan perkara berkaitan lain.

Sebuah Pasukan Projek Khas (SPT) dilantik pada tahun 2020 untuk meneliti keperluan pindaan Akta OKU ini.

Berteraskan Akta OKU ini, satu **Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (OKU)** telah ditubuhkan pada 14 Ogos 2008 untuk menyelia pelaksanaan dasar dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan OKU dan membuat syor kepada pihak kerajaan tentang perkara-perkara seperti sokongan, penjagaan, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan OKU.

Majlis ini dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat manakala keahliannya terdiri daripada agensi kerajaan dan pakar yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dengan isu OKU.

Akta Orang Kurang Upaya 2008

Bertujuan memastikan hak dan kebajikan OKU terjamin (*rights-based act*).



Pasukan Projek Khas (SPT) dilantik pada Mac 2020 bagi meneliti keperluan pindaan Akta OKU.



Memperuntukkan pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kebajikan golongan OKU, penubuhan Majlis Kebangsaan OKU dan perkara berkaitan lain.

Diluluskan pada Disember 2007, berkuat kuasa pada 7 Julai 2008.



Barisan kepimpinan bersama sempena majlis pembukaan program dan aktiviti di Bangi pada 14 Ogos 2019.



JPOKU juga bertanggungjawab atas pematuhan dan pelaksanaan keperluan instrumen antarabangsa tentang OKU iaitu Konvensyen Hak Orang Kurang Upaya 2010 (***Convention on the Rights of Persons with Disabilities 2010***), dan pelaporan berkaitan dengan CRPD.



Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi (PLPP) merupakan pusat pendidikan dan latihan bawah pengurusan JPOKU untuk melaksanakan intervensi awal bagi pemulihan, menyediakan latihan berkaitan pemulihan dan bertindak sebagai Pusat Kecemerlangan untuk latihan dan pemulihan OKU.



PLPP Bangi melatih lebih **90 orang pelatih OKU** pada satu-satu masa.

Kursus-kursus yang ditawarkan termasuk kursus-kursus Pengurusan Pejabat, Jahitan, Elektrik, Lukisan, Membatik, Prostetik dan Ortotik, dan Pembuatan Kerusi Roda. Kursus Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) juga ditawarkan iaitu Kursus Pembuatan Pakaian Wanita dan Kursus Pengurusan Pejabat.



JPOKU juga mengendalikan **Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)** sebagai satu strategi pemulihan, latihan, pendidikan, penyamaan peluang dan integrasi sosial orang kurang upaya dalam pembangunan komuniti setempat.

Sehingga kini, terdapat **562 buah PDK** di seluruh negara dengan **20,303 orang Pelatih OKU** dan dikendalikan oleh **3,338 orang Penyelia/Petugas**.

Model Program PDK berorientasikan *Home Based*, *Centre Based* dan *Centre-Home Based*, manakala aktiviti yang dijalankan termasuk Kemahiran Motor Kasar, Kemahiran Motor Halus, Perkembangan Sosial dan Perkembangan Bahasa.



Di samping itu, aktiviti berbentuk Pengurusan Diri dilaksanakan termasuk 3M (Membaca, Menulis dan Mengira), Permainan, Sukan, Rekreasi dan Kebudayaan, Latihan Vokasional, Terapi Muzik, Sukan *Special Olympics* dan Terapi Berkuda.

Sesi ramah mesra Dato' KSU dan KP JKM di Rumah Sri Kenangan Bidong, Kedah



Pada tahun 2020, JPOKU merancang untuk menyempurnakan:

- Pindaan Akta OKU 2008
- Pelantikan Senator bagi mewakili OKU di Dewan Negara
- Pelaksanaan cadangan dalam Kajian Peluang Pekerjaan OKU di Malaysia
- Pelaksanaan cadangan dalam Kajian Sistem Sokongan Penjaga OKU di Malaysia
- Pelaksanaan Pre-Council Majlis Kebangsaan Bersama Orang Kurang Upaya (MKBOKU)
- Kajian Semula Pelan Tindakan OKU



Kunjungan Dato' KSU KPWK ke RSK Taiping, Perak



JKM bekerjasama dengan MinDef (Kementerian Pertahanan) dalam program membina dan memperbaiki Rumah Asnaf terpilih di Melaka.



BAHAGIAN KANAK-KANAK

Bahagian Kanak-Kanak menyediakan perkhidmatan perlindungan untuk kanak-kanak daripada semua bahaya termasuk jenis penyalahgunaan, pengeksekusi, penderaan, diskriminasi dan eksploitasi.

Menurut **Akta Kanak-Kanak 2001**, takrif kanak-kanak adalah yang "berumur bawah 18 tahun".

Setakat 31 Disember 2019, jumlah kanak-kanak di Malaysia ialah seramai **9.2 juta orang atau 29%** daripada jumlah penduduk iaitu 32 juta orang.

KPWKM telah memperkenalkan **Dasar Kanak-Kanak Negara (DKKN)** pada tahun 2009 berserta **Pelan Tindakan Kanak-Kanak Negara 2009-2015**.

DKKN ialah dasar tentang hak kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak agar mereka boleh menikmati peluang dan ruang untuk mencapai perkembangan yang holistik dalam persekitaran yang kondusif.

Manakala **Dasar Perlindungan Kanak-Kanak (DPKK)** berserta **Pelan Tindakan**



Perlindungan Kanak-Kanak 2009-2015 merupakan satu dasar yang mengandungi pernyataan mengenai prinsip perlindungan bagi memastikan setiap kanak-kanak dilindungi daripada pengabaian, penderaan, keganasan dan eksploitasi.

Memandangkan Pelan Tindakan dasar-dasar tersebut telah tamat tempoh pada tahun 2015, terdapat keperluan untuk menilai pencapaian bawah Pelan Tindakan tersebut serta membangunkan Pelan Tindakan baharu bagi mengiringi Dasar baharu ini.

Mesyuarat Jawatankuasa Dasar KPWKM Bil. 2/2016 pada 26 April 2016 telah memutuskan supaya satu dasar kanak-kanak yang komprehensif diwujudkan dengan menggabungkan DKKN, DPKK dan elemen kanak-kanak dalam **Dasar Kesihatan Reproduktif dan Sosial (DKRS)**. Pelan Tindakan DKRS juga telah tamat tempoh pada tahun 2015.

Selain itu, **Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak dalam Dunia Siber** juga akan tamat tempoh pada tahun 2020.

Dasar & Pelan Tindakan Kanak-Kanak




DASAR DAN PELAN TINDAKAN KANAK-KANAK NEGARA

(diluluskan pada 29 Julai 2009)




DASAR PERLINDUNGAN KANAK-KANAK NEGARA

(diluluskan pada 29 Julai 2009)



DASAR PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF DAN SOSIAL KEBANGSAAN

(diluluskan pada 6 November 2009)



PELAN TINDAKAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK DALAM DUNIA SIBER

(diluluskan pada 23 Mac 2015)



BAHARU

PELAN STRATEGI KEBANGSAAN BAGI MENANGANI PERKAHWINAN BAWAH UMUR

(dilancarkan pada 16 Januari 2020)

Akta Berkaitan Kanak-Kanak

Di bawah KPWKM

**Akta Kanak-Kanak
2001**

Di bawah KPWKM

**Akta Taman Asuhan
Kanak-Kanak 1984**

Di bawah KPWKM

**Akta Keganasan
Rumah Tangga 1994**

Di bawah KPWKM

**Akta Pusat Jagaan
1993**

BHEUU

**Akta Kesalahan-
Kesalahan Seksual
Terhadap Kanak-
Kanak 2017**

BHEUU

**Akta Keterangan
Saksi Kanak-Kanak
2007**

KSM

**Akta Kanak-Kanak
dan Orang Muda
(Pekerjaan) 1966**

KPM

**Akta Pendidikan
1996**

JPM

**Akta Penjagaan
Kanak-Kanak 1961**

KDN

**Akta Pengangkatan
1952**

KDN

**Akta Pendaftaran
Pengangkatan 1952**

Bahagian Kanak-Kanak juga berperanan sebagai urus setia **Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak** yang berfungsi untuk menasihati pihak kerajaan berkenaan hala tuju dasar dan program-program untuk kanak-kanak sejajar dengan dasar kanak-kanak negara.

Majlis ini dipengerusikan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat manakala keahliannya terdiri daripada wakil agensi berkaitan kanak-kanak seperti perundangan, keselamatan, kesihatan, pendidikan dan kebajikan serta merangkumi dua orang wakil dalam kalangan kanak-kanak.

Bahagian ini juga bertanggungjawab atas pematuhan dan pelaksanaan keperluan instrumen antarabangsa tentang kanak-kanak iaitu Konvensyen Hak Kanak-Kanak 1995 (*Convention on the Rights of the Child 1995*), dan pelaporan berkaitan dengan CRC.



Bahagian ini juga mengendalikan **38 buah Institusi Kanak-Kanak** seperti berikut:

- 13 buah Rumah Kanak-Kanak – 1,149 orang penghuni
- 9 buah Sekolah Tunas Bakti – 575 orang penghuni
- 10 buah Asrama Akhlak – 206 orang penghuni
- 4 buah Taman Seri Puteri – 71 orang penghuni
- 2 buah Pusat Perlindungan Kanak-Kanak (ATIP) – 25 orang penghuni

Di samping itu, Bahagian Kanak-Kanak menguruskan Pendaftaran Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dan setakat ini, sebanyak **4,993 buah TASKA** telah didaftarkan seperti berikut:

- Taska Institusi – 3,683 buah
- Taska Komuniti – 40 buah
- Taska Tempat Kerja Swasta – 65 buah
- Taska Tempat Kerja Awam – 241 buah
- Taska di Rumah – 904 buah

Bahagian Kanak-Kanak juga mengurus dan mengendalikan tiga lagi inisiatif untuk melindungi kebajikan kanak-kanak iaitu:

Child Care and Child Protection Unit (CCNCPU)	CCNCPU ditubuhkan bagi memberi penjagaan dan perlindungan kepada kanak-kanak yang berhadapan dengan kes berkaitan pengabaian, penderaan dan kes-kes yang memerlukan bantuan.
Penubuhan Pusat Bertauliah/ Pusat Bertauliah SLDN	Sebanyak 17 buah institusi kanak-kanak JKM telah menjalankan fungsi sebagai Pusat Latihan Kemahiran dan menggunakan standard yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran.
Alternatives To Detention (ATD)	Penempatan kanak-kanak tanpa penjaga dan kanak yang terpisah dari keluarga di depoh tahanan Imigresen ke suatu Pusat atau NGO.

Bahagian Kanak-Kanak merancang untuk menyempurnakan agenda tentang kanak-kanak sebagaimana berikut pada tahun 2020.

- Pelaksanaan dan pemantauan Projek Rintis Pemeliharaan Berasaskan Keluarga
- Pelaksanaan dan pemantauan Projek Rintis *Diversion* bagi kanak-kanak yang mempunyai konflik dengan undang-undang
- Melaksanakan advokasi dan kesedaran bawah Pelan Strategi Kebangsaan Untuk Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur
- Membangunkan Pelan Intervensi dan Implikasi Anak Tidak Sah Taraf
- Semakan Semula Dasar dan Pelan Tindakan Kanak-Kanak Negara
- Laporan Negara CRC

Setakat 31 Disember 2019, jumlah kanak-kanak di Malaysia ialah seramai 9.2 juta orang atau

29% 

daripada jumlah penduduk iaitu 32 juta orang.



KPWKM bersama KPM berganding bahu dalam penyampaian perkhidmatan sempena penyerahan Kad OKU di SKPP 9 (2), Putrajaya.

BAHAGIAN WARGA EMAS

Bahagian Warga Emas berfungsi untuk memberi penjagaan dan perlindungan kepada warga emas di institusi kebajikan, menyediakan penjagaan, perlindungan dan latihan kemahiran kepada orang papa, mengendalikan perkongsian tanggungjawab antara agensi kerajaan dan Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) dan mengutamakan kesaksamaan peluang selaras dengan prinsip yang ditekankan dalam **Dasar Warga Emas Negara**.

Bahagian ini dahulunya dikenali sebagai Bahagian Warga Tua dan Keluarga. Bagi memperkasa perkhidmatan Warga Emas di Malaysia, **Pelan Transformasi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tahun 2011-2015** telah membuat penstrukturan semula dan kini Bahagian ini dikenali sebagai Bahagian Warga Emas.

Warga emas ditakrifkan sebagai orang yang berumur 60 tahun ke atas berasaskan definisi *World Assembly On Ageing 1982* di Vienna. Setakat 31 Disember 2019, jumlah warga emas dalam kalangan penduduk Malaysia seramai **3.35 juta orang atau 10.28%** daripada jumlah penduduk Malaysia.

Malaysia dijangka mencapai status **negara menua pada tahun 2030** apabila warga emas membentuk lebih 15% daripada jumlah penduduk.



Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas diperkenalkan pada tahun 1996 dan dikemas kini pada tahun 2011.

Dasar dan pelan tindakan yang berasaskan *First World Assembly on Ageing* (Vienna, Austria pada tahun 1982) menggariskan enam strategi bagi memperkasa individu,

keluarga dan komuniti ke arah menambah baik kesejahteraan warga emas, iaitu:

- Promosi dan Advokasi
- Pembelajaran Sepanjang Hayat
- Keselamatan dan Perlindungan
- Tadbir Urus dan Perkongsian Tanggungjawab
- Penglibatan dan Kesepaduan antara Generasi
- Penyelidikan dan Pembangunan

Untuk tahun 2020, Bahagian Warga Emas merancang untuk melaksanakan agenda berikut:

- Pelaksanaan Kajian Kandungan, Pendekatan dan Skop bagi Pewujudan Satu Akta Khusus untuk Warga Emas di Malaysia
- Pelaksanaan Kajian Diagnostik bagi Membentuk Model Penjagaan Warga Emas Jangka Masa Panjang yang Bersepadu dan Mampan di Malaysia
- Pelaksanaan fasa perancangan Projek Rintis *Age-Friendly City*
- Pelaksanaan Bengkel Pembangunan Hala Tuju Pelan Tindakan Warga Emas (PTWEN)
- Penganjuran Bersama *HelpAge Asia-Pacific Regional Conference 2020 (Rethinking Population Ageing: Capturing the Benefits)*

BAHAGIAN KOMUNITI

Bahagian Komuniti berfungsi untuk mengendalikan penglibatan masyarakat dalam pembangunan komuniti melalui penyertaan aktif Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), komuniti setempat, sektor swasta, para sukarelawan dan komuniti tempatan yang dilakukan melalui kerjasama strategik.

Bahagian ini diwujudkan pada tahun 1983 dengan dikenali sebagai Bahagian Perkembangan Sosial. Bahagian ini ditukar kepada Bahagian Perundingan dan Khidmat Masyarakat (PKM) pada tahun 1988. Pada Ogos 2005, ia telah ditukar kepada Bahagian Pembangunan Komuniti, dan bermula pada Februari 2014 ia dinamakan sebagai Bahagian Komuniti.

Bahagian ini mempunyai matlamat untuk memberi dorongan kepada komuniti tempatan supaya lebih bertanggungjawab, bersatu padu dan bekerjasama bagi memenuhi keperluan golongan masyarakat tertentu ke arah kesejahteraan dan pembangunan masyarakat.

BAHAGIAN KEBAJIKAN PRODUKTIF

Bahagian Kebajikan Produktif berfungsi untuk mempertingkatkan taraf sosioekonomi penerima bantuan ke arah hidup berdikari di samping menyelaraskan pemberian bantuan kepada kumpulan sasar JKM.

Bahagian ini juga berfungsi untuk mengurus mangsa bencana selaras dengan **Arahan MKN 20** termasuk:

- Menyediakan dan menyelenggara pusat pemindahan
- Menyediakan bantuan makanan, pakaian dan keperluan lain
- Membuat pendaftaran mangsa untuk bantuan pemulihan
- Menjalankan bimbingan dan kaunseling

Kelayakan Umum Untuk Memohon Bantuan Kebajikan

Warganegara Malaysia dan bermastautin di Malaysia

Bilangan anak/tanggungan yang tinggal bersama dan berasingan

Pendapatan keluarga di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)

Tahap ketidakupayaan ketua keluarga atau ahli keluarga, dan sokongan dari ahli keluarga

PGK 2016

**RM960 Semenanjung
RM1,180 Sarawak
RM 1,020 Sabah**

Keadaan dan kelengkapan rumah berdasarkan keperluan keluarga

Selain itu, Bahagian ini mengurus dan menjalankan **Pelan Keusahawanan Sosial** iaitu satu garis panduan sebagai kerangka holistik untuk mengaplikasikan metodologi keusahawanan bagi menyelesaikan isu-isu sosial dalam kalangan klien JKM.

Satu program yang dilaksanakan bawah Pelan ini ialah **Prowell** termasuk penubuhan **Koperasi Prowell Berhad** pada 25 Januari 2019.

Prowell ialah jenama bagi produk-produk yang dihasilkan oleh Orang Kurang Upaya (OKU) iaitu pelatih dari Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK), penghuni institusi-institusi kebajikan dan penerima bantuan skim geran pelancaran di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Koperasi Prowell Berhad diwujudkan berdasarkan pandangan untuk membina satu sistem payung dengan rangkaian perniagaan mengikut zon, memberi tumpuan pada bidang perniagaan yang berpotensi dan mengukuhkan sistem pemasaran agar mampu bersaing dalam pasaran sedia ada.

Objektif Koperasi ini adalah untuk:

- Menggembelng potensi klien melalui keusahawanan sosial.



Lawatan ke Institusi JKM di Batu Gajah yang memerlukan pembaikan.

- Memberi perlindungan sosial melalui pembiayaan kebajikan dan insurans.
- Memupuk sikap berdikari melalui konsep pemilikan.
- Menyediakan peluang perniagaan dan pemilikan syer secara tersusun.

Keahlian Fasa Pertama terbuka kepada peserta Program 2YEP, OKU, peserta PDK, penyelia dan petugas PDK.


BAHAGIAN PERUNDANGAN DAN PENGUATKUASAAN

Bahagian Perundangan dan Penguatkuasaan berfungsi untuk melaksanakan pengoperasian dan aktiviti penguatkuasaan mengikut peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan.


Antara undang-undang yang dikuatkuasakan ialah:

- Akta Kanak-Kanak 2001 (Pindaan 2016)
- Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Pindaan 2017)
- Akta Pusat Jagaan 1993 (Pindaan 2007)
- Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984 (Pindaan 2007)
- Akta Orang-Orang Papa 1977

Statistik Kes Orang Papa 2019



Statistik Kes Keganasan Rumah Tangga 2019



BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT


Bahagian Pengurusan Maklumat (PM) bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan komputer dan teknologi maklumat (IT) kepada Bahagian-bahagian di Ibu Pejabat JKM dan cawangan JKM di seluruh negara.

Selain itu, Bahagian PM juga bertanggungjawab terhadap pembangunan, penyelenggaraan dan penambahbaikan sistem aplikasi JKM sejajar dengan keperluan Jabatan dan perkembangan teknologi semasa.

" Bahagian PM juga bertanggungjawab terhadap pembangunan, penyelenggaraan dan penambahbaikan sistem aplikasi JKM "

Bahagian Pengurusan Maklumat

SENARAI APLIKASI



Senarai Aplikasi dan Sistem Jabatan Yang Diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Maklumat

MAJLIS DAN SAMBUTAN BERDASARKAN KUMPULAN SASAR JKM

Majlis Perwakilan Kanak-Kanak

Majlis Perwakilan Kanak-Kanak (MPKK) ditubuhkan sempena Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia Peringkat Kebangsaan pada 22 Oktober 2011.

Sambutan Hari Kanak-Kanak peringkat kebangsaan diadakan pada mana-mana **hari Sabtu dalam bulan Oktober**.

Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak

Majlis Kebangsaan Bagi Kanak-Kanak ditubuhkan bawah Seksyen 3 Akta Kanak-Kanak 2001.

Majlis ini dipengerusikan oleh YB Menteri KPWK dan ditubuhkan dengan objektif seperti berikut :

- menasihati dan membuat syor kepada kerajaan mengenai semua aspek yang berhubungan dengan pemeliharaan, perlindungan, pemulihan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa.

- membangunkan program dan strategi yang bertujuan untuk mendidik masyarakat dan untuk meningkatkan kesedaran dalam masyarakat, termasuk di peringkat keluarga, mengenai hak dan maruah seseorang kanak-kanak;
- membangunkan program yang bertujuan untuk mendidik masyarakat dalam usaha mencegah penderaan dan pengabaian kanak-kanak serta mencegah penglibatan kanak-kanak dalam perbuatan tidak bermoral atau jenayah;

Keanggotaan Majlis terdiri daripada wakil-wakil jabatan yang telah ditetapkan di dalam AKK 2001 iaitu, lima (5) orang yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai dalam perkara yang berhubungan dengan kebajikan dan perkembangan kanak-kanak dan dua orang wakil dalam kalangan kanak-kanak yang dilantik oleh Menteri, atas syor Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat.



Lawatan Timbalan Menteri Kementerian Pendidikan Malaysia bersama YAB Timbalan Perdana Menteri sempena Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan yang disambut di SKPP 9 (2), Putrajaya.





↑ Gembira. Sebahagian daripada kanak-kanak yang menerima Kad OKU yang disampaikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dengan disaksikan oleh Timbalan Menteri Kementerian Pendidikan Malaysia.

↶ Dato' KSU KPWK M bersama pengurusan tertinggi JKM semasa program Hari Kanak-Kanak Peringkat Kebangsaan.

Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (OKU)

Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) yang dinyatakan bawah Seksyen 3(1), Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) telah dilancarkan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada bulan Ogos 2008. Ini merupakan satu lagi platform penting untuk membincangkan isu-isu OKU di peringkat atasan kerana Majlis ini dipengerusikan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Matlamat penubuhan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya adalah selaras dengan Dasar Orang Kurang Upaya dan Pelan Tindakan Nasional Orang Kurang Upaya dalam masyarakat. Untuk mencapai matlamat ini, satu usaha kolektif telah dibuat oleh Majlis dengan menggunakan pendekatan *multi-sectoral* dan *multi-collaboration* dengan agensi-agensi berkaitan yang lain.

Antara fungsi dan peranan Majlis adalah untuk

- menyelia pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan OKU,

- membuat syor kepada Kerajaan mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan OKU seperti sokongan, penjagaan, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan OKU,
- memantau aktiviti semua kementerian, agensi, badan atau pertubuhan, kerajaan dan sektor swasta yang terlibat dalam pelaksanaan, dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan OKU, dan
- mengesyorkan kepada Kerajaan perubahan undang-undang sedia ada dan mencadangkan undang-undang baharu bagi menjamin penyertaan penuh OKU dalam masyarakat.

Untuk pelaksanaan dan pemantauan yang lebih sistematik, MKBOKU telah membentuk enam Jawatankuasa seperti berikut:

- Jawatankuasa Reka Bentuk Sejagat dan Alam Bina
- Jawatankuasa Pengangkutan
- Jawatankuasa Pekerjaan
- Jawatankuasa Pendidikan
- Jawatankuasa *Quality Life Care (QLC)*
- Jawatankuasa Pendaftaran Orang Kurang Upaya

Sambutan Hari OKU diadakan setiap tahun pada tarikh **3 Disember**.



" Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya merupakan satu lagi platform penting untuk membincangkan isu-isu OKU di peringkat atasan. ”

Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara (MPPWEN)

Majlis ini berperanan untuk menyelia pelaksanaan Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara dan mempunyai seramai 22 orang ahli yang akan bermesyuarat sebanyak 2 kali setahun.

Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Negeri (JPWEN) ditubuhkan bawah Majlis ini dan dipengerusikan oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, manakala Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Daerah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah.

Sambutan Hari Warga Emas diraikan setiap tahun pada tarikh **1 Oktober**.



Kepimpinan pengurusan tertinggi Kementerian dan JKM semasa lawatan ke institusi sempena sambutan Hari Warga Emas.

PENCAPAIAN PROGRAM 2 YEARS EXIT (2YEP)

Program 2 Years Exit (2YEP) merupakan salah satu program kebajikan produktif (*productive*

welfare) yang dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) semenjak tahun 2010.

Program 2YEP ini secara umumnya bertujuan untuk mengubah keadaan sosioekonomi

penerima bantuan kebajikan supaya berdikari dan lebih berdaya usaha.

Setakat ini, program 2YEP ini telah menempa banyak kejayaan yang bermakna buat kumpulan sasaran JKM.

KEJAYAAN 1

MAIMUNAH BINTI ABDULLAH

ialah salah seorang peserta program 2YEP. Seorang ibu tunggal dari Pasir Puteh, Kelantan, Maimunah menerima bantuan am JKM sebanyak RM120 sebulan antara tahun 2013 hingga 2017. Pada tahun 2016, Maimunah menyertai program 2YEP dengan menerima Geran Pelancaran sebanyak RM2,700 untuk mengusahakan sebuah **Kedai Runcit**.

Pendapatan bulannya sebelum menyertai program 2YEP ialah **RM500** sebulan. Setelah menerima sokongan dan bantuan melalui program ini, Maimunah kini berdikari dan mempunyai pendapatan bulanan sekitar **RM10,000**.



KEJAYAAN 2

SARIPAH BINTI CHE WIL, dari Kota Bharu, Kelantan, seperti Maimunah, merupakan seorang ibu tunggal. Antara tahun 2014 hingga 2017, Saripah menerima bantuan JKM iaitu bantuan kanak-kanak sebanyak RM200 sebulan. Pada tahun 2016, Saripah menyertai program 2YEP dengan menerima Geran Pelancaran sebanyak RM2,700 untuk mengusahakan sebuah gerai **Kopitiam**.



Sebelum penyertaannya dalam program ini, pendapatan bulannya sebanyak **RM600**. Kini, Saripah lebih berdaya usaha

dengan memperoleh pendapatan bulanan kira-kira **RM15,000** melalui gerai Kopitiam yang diusahakannya hasil sokongan dan bantuan dalam program 2YEP ini.

KEJAYAAN 3

NUR ZAKIAH BINTI DZULKIFLI, dari Kuala Pilah, Negeri Sembilan, merupakan seorang Orang Kurang Upaya (OKU). Antara tahun 2015 hingga 2017, Nur Zakiah menerima bantuan JKM dalam bentuk Elaun Pekerja Cacat sebanyak RM350 sebulan. Nur Zakiah menyertai program 2YEP pada tahun 2016. Nur Zakiah mengusahakan projek **Minyak Wangi** dan menerima Geran Pelancaran sebanyak RM2,700.



Pendapatan sebelum penyertaan dalam program 2YEP ialah sebanyak **RM600** sebulan. Kini, dengan gigih mengusahakan projek Minyak Wanginya, Nur Zakiah berjaya memperoleh pendapatan sebanyak **RM15,000** sebulan.

KEJAYAAN 4

MARINA BINTI TUMIRAN seorang Orang Kurang Upaya (OKU) dari Maran, Pahang. Marina menerima bantuan JKM sebanyak RM350 untuk Elaun Pekerja Cacat antara tahun 2012 hingga 2017. Pada tahun 2016, Marina tekad menyertai program 2YEP untuk mengusahakan projek perniagaan **Bakeri**. Marina menerima Geran Pelancaran sebanyak RM2,700 untuk mula membina perniagaannya.

Sebelum menyertai program ini, Marina hanya memperoleh pendapatan sebanyak **RM1,000** sebulan. Kini, Marina terus berdikari dan lebih gigih dengan kejayaannya mengusahakan perniagaan Bakeri berpendapatan sebanyak **RM12,000** sebulan.



KEJAYAAN 5

NORHAYANI BINTI AWANG

seorang ibu tunggal dari Beaufort, Sabah. Antara tahun 2011 hingga 2018, pihak JKM telah memberikan bantuan kepadanya dalam bentuk Bantuan Kanak-Kanak sebanyak RM200 sebulan. Pada tahun 2017, Norhayani dengan beraninya menyertai program 2YEP. Norhayani memberi tumpuan pada mengusahakan perkhidmatan **Urutan** kepada orang awam. Melalui program ini, JKM memberikan Geran Pelancaran sebanyak RM2,700 di samping sokongan dan bantuan lain untuk mengembangkan penawaran perkhidmatannya.

Norhayani kini berjaya mengubah keadaan sosioekonominya dengan memperoleh pendapatan bulanan sebanyak **RM7,000** sebulan berbanding dengan pendapatan **RM900** sebulan sebelum mengusahakan projek bawah program 2YEP ini.



KEJAYAAN 6

ZURAINI BINTI MOHAMAD seorang Orang Kurang Upaya (OKU) dari Kelang, Selangor. Zuraini menerima bantuan JKM dalam bentuk Elaun Pekerja Cacat sebanyak RM350 antara tahun 2013 hingga 2017. Pendapatannya pada masa itu ialah sebanyak **RM700** sebulan. Pada tahun 2017, Zuraini menyertai program 2YEP untuk mengusahakan perniagaan **Katering**.



Zuraini menerima bantuan dalam bentuk Geran Pelancaran sebanyak RM2,700 dari

JKM. Kini, Zuraini berjaya mengubah keadaan hidupnya apabila memperoleh pendapatan bulanan sebanyak **RM10,000** hasil usahanya sendiri dan sokongan serta bantuan yang diterimanya dalam program 2YEP.

02. JABATAN PEMBANGUNAN WANITA (JPW)

Sebagai sebuah jabatan bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) memberi tumpuan pada pelaksanaan dan pencapaian dasar dan aktiviti berkaitan dengan pembangunan wanita.







Sebahagian daripada peserta sempena sambutan Hari Wanita Peringkat Kementerian di KPWK.



Antara aktiviti yang dianjurkan oleh JPW sempena Sambutan Hari Wanita Kebangsaan 2019.

SAMBUTAN HARI WANITA

Sambutan Hari Wanita disambut dan dianjurkan oleh KPWKM pada tarikh 8 Mac setiap tahun, bersempena dengan sambutan Hari Wanita Antarabangsa.

Untuk tahun 2019, acara ini dianjurkan di Dewan Perdana Nur KPWKM dan dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Datuk Rose Lena binti Lazemi.

Dengan bertemakan Seimbang untuk Sejahtera, sambutan ini dihadiri oleh kira-kira

500 orang dalam kalangan warga KPWKM, pertubuhan bukan kerajaan, syarikat swasta dan agensi serta jabatan kerajaan yang lain.

Acara yang turut dianjurkan dalam Sambutan Hari Wanita ini termasuk Bicara Santai Khas, Demonstrasi Wanita Cegah Jenayah, sesi interaktif, pameran PACBE, SPA dan gerai perniagaan oleh usahawan wanita.

Melalui penganjuran acara ini, pihak kerajaan memberikan pengiktirafan yang wajar kepada golongan wanita atas sumbangan langsung dan tidak langsung mereka dalam pelbagai bidang demi pembangunan negara.

Selaras dengan pelaksanaan dan pencapaian Dasar Wanita Negara, acara ini berusaha untuk menjulang martabat, potensi dan harapan kaum wanita. Ia juga cuba menyedarkan semua pihak tentang peranan langsung mereka untuk menghapuskan diskriminasi gender dan menjayakan aspek *gender mainstreaming* iaitu pencapaian kesaksamaan kaum wanita dan lelaki serta integrasi menyeluruh dalam pembangunan negara.

" Kerajaan memberikan pengiktirafan yang wajar kepada golongan wanita atas sumbangan langsung dan tidak langsung mereka dalam pelbagai bidang demi pembangunan negara. ”

KONVENSYEN WANITA DAN KELUARGA

Konvensyen Wanita dan Keluarga 2019 telah dianjurkan pada 13 dan 14 Oktober 2019 di Hotel Marriott, Putrajaya.

Konvensyen ini dianjurkan untuk mendengar dan mengumpulkan pandangan dan maklum balas mengenai dasar wanita dan keluarga kebangsaan, sekali gus menjadi input untuk perancangan pelan tindakan.

Perkongsian idea yang berlaku dalam konvensyen ini melibatkan enam bidang utama iaitu keselamatan dan kesejahteraan, ekonomi dan keusahawanan, sistem sokongan keluarga, undang-undang dan advokasi, kepimpinan dan suara belia.

Konvensyen ini telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Hannah Yeoh dan dihadiri oleh lebih 400 orang peserta dari pelbagai agensi awam dan swasta serta pertubuhan bukan kerajaan.



Sambutan Konvensyen Wanita dan Keluarga yang dirasmikan oleh YB Puan Hannah Yeoh di Marriot Hotel, Putrajaya.





Panel dan peserta yang menjayakan Konvensyen Hari Wanita dan Keluarga.



YB Puan Hannah Yeoh merasmikan Konvensyen Hari Wanita dan Keluarga.

Warna-warni Sambutan Hari Wanita
Kebangsaan yang diraikan serentak
di seluruh Malaysia.





SAMBUTAN HARI BAGI MENANGANI KEGANASAN TERHADAP WANITA

Sambutan Hari Antarabangsa Bagi Menangani Keganasan Terhadap Wanita berlaku pada 25 November setiap tahun.

" Sambutan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran seluruh masyarakat dunia agar mengambil tindakan bagi menghentikan apa sahaja bentuk keganasan terhadap wanita."

Sambutan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran seluruh masyarakat dunia agar mengambil tindakan bagi menghentikan apa sahaja bentuk keganasan terhadap wanita.

Pada tahun 2019, acara sambutan peringkat kebangsaan diadakan pada 23 November dan disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Bulatan Amanjaya, Ipoh, Perak.

Sambutan ini juga dianjurkan serentak di seluruh negara, kecuali Sabah dan Sarawak, dengan aktiviti seperti Larian Oren, pameran, forum, demonstrasi dan acara main peranan (*role play*) yang melibatkan agensi penguat kuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan pertubuhan bukan kerajaan yang lain.

Jumlah keseluruhan peserta yang menyertai sambutan ini ialah kira-kira 20,000 orang.



DIALOG AWAM BERSAMA AHLI MAJLIS WANITA PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Sesi dialog awam atau *town hall* antara Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dengan Ahli Majlis Wanita Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dianjurkan di Dewan Perdana Nur KPWKM.

Sesi ini bertujuan untuk menjadi platform komunikasi, perkongsian idea dan pendapat serta memberi peluang kepada para ahli majlis untuk menyuarakan hasrat mereka tentang isu-isu yang berkaitan dengan wanita, keluarga dan masyarakat kepada pihak YB Timbalan Menteri.

Melalui acara ini, persefahaman dan hubungan yang baik dan harmoni secara jangka panjang boleh dipupuk antara pihak KPWKM dengan PBT terutamanya para Ahli Majlis Wanita.

Pada sesi ini, seramai 173 orang ahli PBT wanita menyertai dialog dengan pihak YB Timbalan Menteri.



Dialog wakil-wakil persatuan wanita bersama pegawai JPW tentang hala tuju dan peranan wanita dalam pembangunan negara.





Salah seorang peserta yang memberikan pandangan sempena diskusi wanita di KPWK.



Diskusi Hari Wanita bersama Pihak Berkuasa Tempatan bagi menangani isu-isu wanita dalam pembangunan negara.

TAKLIMAT CADANGAN PENUBUHAN AKTA PERLINDUNGAN GANGGUAN SEKSUAL KEPADA AHLI PARLIMEN MALAYSIA

Pada 16 Julai 2019, YAB Dato' Seri Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menghadiri sesi Taklimat Cadangan Penubuhan Akta Perlindungan Gangguan Seksual untuk Ahli Parlimen Malaysia.

Taklimat ini dijalankan di Dewan Bankuet Parlimen dan dihadiri oleh kira-kira 200 orang tetamu termasuk Ahli Parlimen Malaysia.

Taklimat ini diadakan dengan tujuan untuk menyampaikan hasrat dan hala tuju KPWKM tentang cadangan penubuhan Akta Perlindungan Gangguan Seksual kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di samping mengumpulkan pandangan dan maklum balas baharu tentangnya.

Selain taklimat, sesi soal jawab dibuka kepada tetamu yang hadir.

TAKLIMAT KEPEKAAN GENDER KEPADA AHLI PARLIMEN MALAYSIA

Taklimat Kepekaan Gender kepada Ahli Parlimen Malaysia telah diadakan di Dewan Bankuet Parlimen dan dihadiri oleh kira-kira 200 orang tetamu termasuk Ahli-Ahli Parlimen Malaysia.

Taklimat ini bertujuan untuk memperkenalkan konsep gender dan kepentingannya

dalam pembangunan insan dan negara, meningkatkan kesedaran dan keprihatinan terhadap kepentingan dasar dan program pembangunan yang peka kepada isu gender, dan mencapai kesaksamaan gender sebagai asas utama pembangunan komuniti ke arah pembentukan sebuah negara maju.

Taklimat ini telah disampaikan oleh YAB Dato' Seri Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

" Taklimat ini diadakan dengan tujuan untuk menyampaikan hasrat dan hala tuju KPWKM tentang cadangan penubuhan Akta Perlindungan Gangguan Seksual kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat di samping mengumpulkan pandangan dan maklum balas baharu tentangnya. ”

PERSIDANGAN ANTARABANGSA SUARA KEPIMPINAN WANITA (INTERNATIONAL CONFERENCE ON WOMEN LEADERSHIP VOICES)

Persidangan Antarabangsa Suara Kepimpinan Wanita ini berlangsung pada 21 hingga 24 Oktober 2019 di Hotel Hatten, Melaka dan dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Wan Azizah Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Persidangan ini adalah sebahagian daripada inisiatif bawah *ASEAN under the Commission on the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children (ACWC)* yang telah melaksanakan pelbagai usaha bagi memastikan hak-hak dan kesaksamaan gender di rantau Asia Tenggara melalui kerjasama serantau selaras dengan Pelan Kerja ACWC 2016 – 2020.

Pelan ini menekankan aspek kepimpinan wanita, stereotaip bukan jantina dan perubahan norma sosial. Di samping itu, integrasi gender dalam arus perdana



Dato' KSU, KP JPW bersama wakil NGO Wanita dalam Persidangan Antarabangsa Suara Kepimpinan Wanita.

atau *gender mainstreaming* dilaksanakan melalui tiga bidang teras iaitu penghapusan keganasan terhadap wanita, peningkatan ekonomi wanita dan perlindungan terhadap wanita dalam situasi terdedah.

Persidangan ini telah disertai oleh kira-kira 100 orang dalam kalangan ahli-ahli ACWC, pertubuhan bukan kerajaan, perusahaan kecil dan sederhana, serta pemimpin korporat.





Antara ahli panel antarabangsa yang turut hadir.



-  Barisan kepimpinan JPW yang menjayakan Persidangan Wanita Peringkat ASEAN pada kali ini.
-  KP JPW, Datuk Shaidatul Akhma bersama wakil panel NGO Wanita semasa Persidangan Wanita ASEAN.

Dr. Fazni Mat Arifin menyampaikan
ucapan alu-aluan.



Konvensyen Kaunseling yang diadakan
di ISM, Kuala Lumpur bersama jemputan
istimewa, Prof. Dr. Muhaya Muhamad
bersama Pengarah ISM, Dr. Fazni Mat Arifin.



Sebahagian daripada pelajar sekolah
yang berminat menyertai Konvensyen
Kaunseling Peringkat Antarabangsa.



03.

INSTITUT SOSIAL MALAYSIA (ISM)

Institut Sosial Malaysia (ISM) merupakan salah sebuah agensi bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang diberikan mandat untuk memperkasa pekerja dan pengamal sosial yang mahir dan profesional melalui bidang latihan, penyelidikan, penerbitan dan perkongsian idea.



Majlis Penyampaian Sijil Kerja Sosial merupakan antara kerjasama ISM dengan UUM yang berlangsung di UUM Sintok.

LATIHAN

ISM aktif menganjurkan lebih daripada 20 jenis kursus latihan jangka panjang dan pendek untuk pekerja dan pengamal sosial pada setiap tahun.

Sebagai pusat bertauliah, ISM menawarkan kursus-kursus berikut:

- Sijil Kemahiran (SKM) Tahap 3 dalam bidang Khidmat Komuniti
- Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dalam Perkhidmatan Penjagaan Ibu Lepas Bersalin – Mamacare
- Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DKM) dalam Perkhidmatan Penjagaan Ibu Lepas Bersalin – Mamacare

Sebagai pusat kecemerlangan kerja sosial, ISM menawarkan kursus-kursus berikut:

- Program Diploma Pascasiswazah Kerja Sosial (DPSKS)
- Kursus Pengenalan Kerja Sosial
- Kursus Pemahaman Teori-teori Sosial
- Kursus Penyeliaan Kerja Sosial
- Kursus *Professionally Accountable Practice (PAP) Model*
- Kursus Piawaian Kompetensi Praktis Kerja Sosial
- Kursus *Neuro Linguistic Psychotherapy (NLPT) Practitioner* untuk Pekerja Sosial

Kursus Kenali Gender Pada 26-28 Februari 2019 Di ISM (Kluster Pembangunan Kapasiti dan Gender)



Sebagai pusat kecemerlangan pembangunan kemahiran komuniti dan kesukarelawan, ISM menawarkan kursus-kursus berikut:

- Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Permata (KAP)
- Kursus Bahasa Isyarat Malaysia (BIM)
- Kursus *Certified Neuro Linguistic Psychotherapy (NLPT) Practitioner* untuk Awam
- Kursus Kepekaan Gender
- Bengkel Peningkatan Kemahiran sebagai Penjaga (*Caregiver*)
- Bengkel Pembimbing Komuniti
- Bengkel *Disability Equality Training (DET)*
- Bengkel Keusahawanan Sosial
- Bengkel Kesukarelawan

- Seminar Keselamatan Kanak-Kanak *Always Beware and Be Aware*
- Bengkel Kaunselor Lay Masyarakat.

PENYELIDIKAN

Bidang penyelidikan juga menonjolkan pencapaian ISM untuk menangani kumpulan sasaran KPWK dan membina kemahiran serta dinamisme pekerja dan pengamal sosial.

Dari tahun 2010 hingga 2019, ISM telah menjalankan lebih daripada 15 penyelidikan tentang aspek pembangunan sosial, yang melibatkan kerjasama dengan agensi kerajaan atau institusi pengajian tinggi (IPT). Penyelidikan yang dijalankan oleh ISM adalah seperti berikut:

2019	- Kajian Peluang Pekerjaan OKU di Malaysia - Kajian Tentang Sistem Sokongan Penjaga OKU di Malaysia - Kajian Diagnostik bagi Membentuk Model Penjagaan Warga Emas Jangka Panjang yang Bersepadu dan Mampan di Malaysia
2018	Kajian Pemahaman dan Pengalaman Kerja Sosial dalam Kalangan Pegawai Kebajikan Masyarakat (JKM)
2017	Kajian Pemahaman dan Penerimaan Amalan Gender dalam Kalangan Warga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Agensi-agensi Bawahnya (UPM)
2016	- Kajian Keperluan Perkhidmatan <i>De-Institutionalisation (DI)</i> di Malaysia (UPM) - Membangunkan Kerangka ke Arah Menggerakkan Sukarelawan Secara Optimum (UPM) - Kajian Aplikasi Pemetaan Jenayah dalam Kalangan Juvana di Semenanjung Malaysia Menggunakan Sistem Maklumat Geografi (GIS) (UTM) - Kajian <i>Enabling Integration and Participation of Persons with Disabilities in the Workforce</i> (UUM)
2015	- Kajian Keberkesanan Latihan Pembangunan Pekerja Sosial Anjuran ISM Tahun 2014 - Kajian Persepsi Generasi Y Terhadap Ketua - Kajian Tahap Kesedaran, Penerimaan dan Penggunaan EPSA dalam Kalangan Kumpulan Perkhidmatan Sosial JKM Malaysia
2012	- Kajian Profil dan Faktor Kanak-Kanak dan Remaja Lari dari Rumah - Kajian Pembudayaan Kesukarelaan dalam Kalangan Masyarakat Malaysia
2011	- Kajian Profil dan Faktor Kanak-Kanak dan Remaja Lari dari Rumah - Kajian Pembudayaan Kesukarelaan dalam Kalangan Masyarakat Malaysia
2010	- Kajian Profil Kes-kes Kejayaan melalui Program Keusahawanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) - Kajian <i>Tracer</i> ke atas Bekas Penghuni Institusi JKM – Kes di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi (PLPP)

PENERBITAN

Bidang penerbitan berbentuk ilmiah dan separa ilmiah berkala dan tidak berkala telah dihasilkan oleh ISM untuk mencapainya visi, misi dan objektifnya.

Antara penerbitan yang telah dihasilkan dengan jayanya pada tahun 2019 ialah:

- Paradigma Sosial 2019
- Pemeriksaan Wanita, Kanak-Kanak dan Keluarga di Malaysia
- Proceedings of the International Social Work Symposium 2019*
- Innovasi Sosial untuk Kelestarian Insan 4 2019
- Modul Sukarelawan Institut Sosial Malaysia
- Valorizing Evidence on Inclusive Social Development to Achieve Sustainable Goals in Malaysia*
- Persidangan Industri Warga Emas Kebangsaan 2019

Penerbitan berkalanya termasuk ISM Minda, ISM Giat, *Social Matters*, *International Journal of Social Policy and Society* dan *Malaysian Journal of Social Policy and Society*.

ISM Social Talk

Ramah mesra sebelum program bermula.



- ↑ Barisan belia OKU bersama-sama menjayakan ISM Social Talk yang diadakan di Dewan Utama ISM.
- ← Bersama ikon OKU, saudara Mohd Sukur Ibrahim yang turut menjadi ahli panel dan moderator ISM Social Talk.



← Prof. Dr. Muhaya menyampaikan motivasi kepada para peserta.

↓ Datuk Dr. Izham Arif dan Prof. Dr. Muhaya yang turut hadir bagi menjayakan program ini.



Saudara Mohd Sukur Ibrahim turut menyampaikan kata-kata semangat kepada belia OKU yang hadir.



PERKONGSIAN IDEA

Selain tiga bidang utama berkenaan, ISM juga melaksanakan program dan aktiviti perkongsian idea dengan kumpulan sasarannya.

Antara acara yang telah dianjurkan ialah:

- ISM Social Talk 'Inspirasi Syukur' #OKUtapiOK
- ISM Social Talk 'Love Yourself, Be Yourself and Shine'
- ISM Social Talk 'Keluarga Iwn Kerjaya'
- Dialog Profesion Kerja Sosial "Kerja Sosial: Realiti atau Fantasi"
- *International Social Development Conference (ISDC)* dengan kerjasama Universiti Utara Malaysia (UUM)
- *International Social Work Symposium* dengan kerjasama Persatuan Pekerja Sosial Malaysia (PPSM)
- Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan (INSAN) dengan kerjasama Universiti Tun Hussein Onn



Penyertaan Belia dalam ISM
Social Talk: Love Yourself, Be Yourself
and Shine

KEMUDAHAN

Sesuai dengan peranannya untuk meningkatkan kemahiran dan potensi pekerja dan pengamal sosial, ISM menyediakan kemudahan sampingan untuk membantu gerak kerja kumpulan sasarannya.

Antara kemudahan yang disediakan di ISM untuk penggunaan dalaman dan agensi luar ialah:

- Penginapan Asrama: 75 buah bilik inap
- Dewan Makan dan Auditorium yang masing-masing boleh menampung sehingga 150 dan 300 orang
- Bilik Kuliah: 3 buah bilik yang boleh menampung 30 hingga 60 orang
- Moot Court: 1 buah bilik untuk 40 orang
- Makmal Komputer: 1 buah
- Bilik Mesyuarat: 1 buah
- Ruang Galeri

Hari Kerja Sosial Sedunia 2019 Peringkat ISM Pada 20 Mac 2019 Di Lobi ISM



Kehadiran warga kerja ISM dan orang awam bagi menjayakan Hari Kerja Sosial Sedunia di ISM.



Antara ahli panel yang memberi penjelasan mengenai kepentingan dan makna kerja sosial kepada para peserta.



Seminar ABBA pada 10 Mac 2020 di Dewan Utama ISM





Warna-warni sekitar Seminar ABBA yang diadakan di ISM dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

04. LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (LPPKN)

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) ialah sebuah badan berkanun bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang ditubuhkan menurut Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara 1966 (Pindaan 2006).

LPPKN mempunyai tiga bidang teras dalam gerak kerjanya iaitu Kependudukan, Pembangunan Keluarga dan Kesihatan Reproduksi Manusia.

Ia merupakan badan yang menyediakan dan memainkan peranan dan fungsi Advitori, Kajian dan Penyelidikan, Pendidikan dan Latihan, Perkhidmatan, Hubungan dan Kerjasama Antarabangsa, Advokasi dan Promosi, dan Pemantauan dan Penilaian untuk tiga bidang teras yang dinyatakan.





YAB Timbalan Perdana Menteri bersama Dato' KSU mengikuti taklimat mengenai ujian kesuburan di Klinik Keluarga LPPKN, Kuala Lumpur



YB Puan Hannah Yeoh dalam sidang media mengenai Akta Kanak-Kanak dan Pusat Jagaan Kanak-Kanak di Parlimen.

YAB Timbalan Perdana Menteri bersama Pengerusi LPPKN, Dato' Dr. Narimah Awin menjayakan Hari Kanak-Kanak di LPPKN, Kuala Lumpur.



Lawatan harmoni YB Puan Hannah Yeoh ke Taska Permata sempena Sambutan Hari Kanak-Kanak 2019.



Peranan & Fungsi LPPKN

Akta Penduduk dan Pembangunan Keluarga 1966 (Pindaan 2006)

BIDANG TERAS LPPKN



KEPENDUDUKAN



PEMBANGUNAN KELUARGA



**KESIHATAN REPRODUKSI
MANUSIA**

PERANAN & FUNGSI LPPKN

Advisori

Kajian dan Penyelidikan

Pendidikan dan Latihan

Perkhidmatan

Hubungan Kerjasama & Antarabangsa

Advokasi dan Promosi

KAJIAN DAN PENYELIDIKAN

Kajian dan penyelidikan merupakan aktiviti utama yang berjaya dijalankan secara berterusan untuk mencapai misi dan matlamat LPPKN. Sehingga kini, LPPKN berjaya menghasilkan **tiga penyelidikan kependudukan dan kekeluargaan utama**.

Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) 2014 menyediakan data siri masa berkaitan demografi, keluarga dan kesihatan reproduktif penduduk dan menjadi sumber data bagi perancangan sosioekonomi negara.

Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) 2016 pula dijalankan untuk mengukur tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia.

Kajian Semula Dasar Kependudukan Negara dilaksanakan untuk mengenal pasti isu-isu semasa berkaitan kependudukan serta kekeluargaan dan seterusnya menyediakan satu pelan strategik dalam usaha negara mencapai matlamat pembangunan lestari menjelang 2030.

Penyelidikan Kependudukan dan Kekeluargaan



Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia Kelima (KPKM-5) 2014

- Untuk menyediakan data siri masa berkaitan demografi, keluarga dan kesihatan reproduktif penduduk.
- Untuk menjadi sumber data bagi perancangan sosioekonomi negara.



Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) 2016

Untuk mengukur tahap kesejahteraan keluarga di Malaysia.



Kajian Semula Dasar Kependudukan Negara

Untuk mengenal pasti isu-isu semasa berkaitan kependudukan serta kekeluargaan dan seterusnya menyediakan satu pelan strategik dalam usaha negara mencapai matlamat pembangunan lestari menjelang 2030.

Di samping itu, LPPKN mengadakan acara dan aktiviti untuk menguar-uarkan hasil penyelidikan yang dialankannya.

Jejalah Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK) 2016



Forum Penyebaran Data Hasil Penyelidikan LPPKN Siri 3

Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran,
Universiti Malaya, Kuala Lumpur
22 November 2017

Penyebaran Hasil Penyelidikan

RAHSIA

DOKUMEN INI IALAH HAK MILIK KERAJAAN MALAYSIA

KPWK.M.D.(R).600-1/5/2

Nota Jemaah Menteri

Nombor:

Salinan Bilangan:

NOTA DARIPADA MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
SENARIO PENDUDUK MALAYSIA MENJELANG TAHUN 2050

TUJUAN

Nota ini bertujuan memaklumkan Jemaah Menteri mengenai senario penduduk Malaysia menjelang tahun 2050 berdasarkan penemuan Kajian Semula Dasar Kependudukan Negara: Pelan Tindakan Kependudukan ke Arah Pembangunan Lestari 2030 yang telah dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Nota Jemaah Menteri

Senario Penduduk Malaysia Menjelang Tahun 2050 oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, 2017



Saluran Penyebaran Melalui Penerbitan Lain

Selain itu, aktiviti kajian dan penyelidikan giat membangunkan produk atau modul yang relevan dengan matlamat semasa LPPKN khususnya **Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak-Anak (PEKA)**.

Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak-Anak (PEKA)



LATIHAN DAN PENDIDIKAN

LPPKN aktif menganjurkan aktiviti Latihan dan Pendidikan dengan jayanya setiap tahun.

Antara latihan yang dijalankan dalam **Program Perkahwinan dan Keibubapaan** ialah Program SMARTSTART, Program Pengurusan Kewangan Keluarga SMARTBelanja, Program Ilmu@Keluarga, Program Keluarga@Kerja, dan Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak-Anak (PEKA).

PROGRAM PERKAHWINAN DAN KEIBUBAAN



Program SMARTSTART



Program Pengurusan Kewangan Keluarga SMARTBelanja



Program Ilmu@Keluarga



Program Keluarga@Kerja



Program Pendidikan Keselamatan Keluarga dan Anak-Anak (PEKA)

Program Pengukuhan Nilai Teras Keluarga pula melibatkan penganjuran acara Hari Ibu Bapa, Hari Penduduk Sedunia, Bulan Keluarga Kebangsaan dan Jelajah Kita Kan Keluarga.

PROGRAM PENGUKUHAN NILAI TERAS KELUARGA

- ① Hari Ibu Bapa
- ② Hari Penduduk Sedunia

- ③ Bulan Keluarga Kebangsaan
- ④ Jelajah Kita Kan Keluarga



Program Terapi Keluarga pula terdiri daripada Terapi Pengurusan Stres (Terapi Minda), Terapi Kesunyian, Kembara Kaunseling dan Kaunseling Orang Dalam Seliaan (ODS) dan Keluarga ODS.



PERKHIDMATAN

LPPKN juga giat menawarkan perkhidmatan yang berkaitan dengan kekeluargaan dan kependudukan.

Khidmat Kaunseling LPPKN merangkumi Kaunseling Individu, Kaunseling Kelompok dan Kaunseling Berasaskan Art Therapy.

Khidmat Kaunseling

- 1 Kaunseling Individu
- 2 Kaunseling Kelompok
- 3 Kaunseling Berasaskan Art Therapy




Program Terapi Keluarga

- 1 Terapi Pengurusan Stres (Terapi Minda)
- 2 Kembara Kaunseling
- 3 Terapi Kesunyian
- 4 Kaunseling Orang Dalam Seliaan (ODS) dan Keluarga ODS

LPPKN juga menawarkan khidmatnya melalui **Pusat Keluarga dan Klinik Nur Sejahtera**.

14 Cawangan LPPKN Negeri yang diwujudkan menguruskan **5 buah Pusat Keluarga, 49 buah Klinik Nur Sejahtera dan 15 buah Pusat Keluarga Bergerak** di seluruh negara.





Selain itu, LPPKN menyediakan perkhidmatan sistem atau portal untuk melaksanakan agenda kependudukan dan kekeluargaannya.

Antara **sistem atau portal** yang disediakan meliputi *Family Repository*, Sistem Kependudukan, Portal Keluarga Bahagia, MamaCare.my dan *KafeTEEN Apps*.

Sistem/Portal

- 1 *Family Repository*
- 2 Sistem Kependudukan
- 3 Portal Keluarga Bahagia
- 4 MamaCare.my
- 5 *KafeTEEN Apps*



Family Well-being Index 2016

Orem (1995) suggested that well-being was a term used to describe an individual's perception of their lives, refers to integration of physical, social, mental, emotional, spiritual and social characteristics. Some social science researchers have explained the concept of well-being as internal constructs that may be separated from the external conditions (Hartweg, 1990; Orem, 1985).

Program Inovasi Keluarga LPPKN merupakan antara programnya yang popular untuk memenuhi tuntutan tiga bidang terasnya.

Mamacare.my dijalankan untuk meningkatkan ekonomi wanita dan keluarga dalam kalangan

kelompok B40 dan mempromosikan kesihatan dan kesejahteraan wanita dan keluarga melalui latihan kapasiti dan penawaran khidmat penjagaan ibu selepas bersalin.

Pusat Latihan Bertauliah Mamacare juga diwujudkan untuk menyokong program ini.

myPapaCare pula mempromosi kesihatan dan kesejahteraan lelaki dan keluarga.

Program Inovasi Keluarga

MamaCare



myPapaCare



Pusat Latihan Bertauliah MamaCare



KOMITMEN DAN KOLABORASI DALAM DAN LUAR NEGARA

Sebagai satu-satunya badan yang bertindak untuk membangunkan agenda kependudukan dan kekeluargaan, LPPKN mengambil bahagian dalam pelbagai forum dalam dan luar negara. Pada peringkat antarabangsa, LPPKN bertanggungjawab atas penglibatan Malaysia selaku wakil institusi untuk inisiatif berikut:

- UNCPD – Keahlian dalam *United Nation Commission on Population and Development* 2019-2023
- UNICEF (Dana bagi *Country Programme Malaysia* 2016-2020 – Pembangunan Modul Keibubapaan)
- UNFPA (Dana bagi *Country Programme Action Plan* 2013-2017 - PEKERTI dan *Teen Apps*)
- UNESCAP (Input bagi *Asian and Pacific Population Conference – Mid-Term Review Report* 2018)
- WFO
- ICOMP
- *The Union of NGO of Islamic World (High Advisory Board for International Family Institute)*

Komitmen dan Kolaborasi Antarabangsa



Keahlian dalam *United Nation Commission on Population and Development (CPD)* bagi penggal 2019-2023



PENCAPAIAN HASRAT DAN HARAPAN RAKYAT

Bagi memenuhi hasrat dan harapan rakyat, LPPKN juga menganjurkan satu program **Pemerkasaan Keluarga dan Komuniti (FACE)** sebagai sebahagian daripada **Janji 53: Memperkukuhkan Institusi Kejiranan dan Kekeluargaan**.

Objektif program FACE:

- Mengenal pasti keperluan setempat dan tahap kesejahteraan keluarga di kawasan komuniti terpilih,
- Memperkasa mekanisme sosial dalam komuniti sedia ada sebagai *family champion*, dan
- Mengenal pasti dan merangka program intervensi serta meningkatkan tahap kesejahteraan keluarga.

Sehingga kini, program FACE telah dijalankan di **32 Komuniti** (2017–2018) terpilih berserta **182 Family Champion** dikenal pasti melalui **239 aktiviti intervensi** yang meliputi **11,000 orang penerima manfaat** di seluruh negara.






32
Komuniti
(2017–2018)



182
Family
Champion



239
Aktiviti
Intervensi

11,000
Penerima Manfaat

LPPKN juga komited untuk memenuhi iltizam khusus buat wanita iaitu iltizam 2 untuk memastikan penjagaan kesihatan dan keselamatan sosial wanita. Melalui komitmen ini, LPPKN menjalankan aktiviti Saringan Kanser Kesihatan Reproduksi bersubsidi.

SARINGAN KANSER KESIHATAN REPRODUKTIF	PENERIMA	PERUNTUKAN
<i>Pap Smear (WoW)</i>	44,363	RM1.8 juta
Mamogram	346,406	RM70.2 juta
Vaksinasi HPV	324,416	RM54 juta
Jumlah	715,185	RM126 juta

Setiap tahun, LPPKN juga komited untuk meningkatkan kesihatan reproduktif melalui program Subfertiiliti iaitu penyediaan rawatan infertiiliti buat wanita termasuk:

- Terapi ubat fertiliti
- Permanian beradas (*Intra-Uterine Insemination – IUI*)
- Teknologi Bantuan Konsepsi (*Assisted Reproductive Technologies – ART*)
 - *In-Vitro Fertilisation (IVF)*
 - *Intracytoplasmic Sperm Injection (ISI)*
 - *Cryopreservation for gamete and embryo*
 - TESA, PESA MESA

TAHUN	2012	2013	2014	2015	2016	2017
Kes Baharu	1136	1027	1095	1197	1310	981
Kes Ulangan	6966	9665	4643	4918	5133	3668
Jumlah Kes Kendalian	8102	10692	5738	6115	6443	4649

Sehingga tahun 2017, kira-kira 4,000 orang bayi dilahirkan menerusi program Subfertiiliti yang disediakan oleh LPPKN.



Ketua Pengarah LPPKN, Tn. Hj. Abdul Shukur Abdullah bersama YB Hannah Yeoh dalam Taklimat Kekeluargaan.



Sambutan Hari Keluarga Peringkat Kebangsaan yang diadakan di LPPKN, Kuala Lumpur.

Gemilang, Majlis Perasmian Anjung Kasih di
Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar oleh
YB Puan Hannah Yeoh.



05.

YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA (YKN)

Anjung Kasih YKN ialah salah satu daripada inisiatif utama yang dijalankan oleh Yayasan Kebajikan Negara (YKN) dengan jayanya.

Inisiatif ini memenuhi keperluan penginapan bagi pesakit atau waris pesakit yang berkunjung ke hospital untuk rawatan, penjagaan atau lawatan.

Kemudahan penginapan diberikan secara percuma kepada golongan yang memerlukan.

Selain itu, pelbagai kemudahan lain turut disediakan untuk keselesaan dan kegunaan penginap seperti surau, ruang rehat, ruang cucian dan jemuran, ruang makan, bilik kaunseling dan bilik sukarelawan.



Inisiatif yang dilaksanakan semenjak tahun 2006 ini merupakan satu contoh kejayaan usaha proaktif pihak Kementerian dalam bidang sosioperubatan atau *medicosocial* yang menggabungkan ciri khidmat sosial dengan aspek perubatan.

Sehingga kini, **12 buah Anjung Kasih** telah dibangunkan.

Jumlah ini mampu menempatkan penginap dengan kapasiti **701 buah katil**.

Seramai lebih **76,638 orang penginap** telah mengambil manfaat dalam inisiatif ini ketika mereka menjalani rawatan atau melawat pesakit di hospital kerajaan yang menawarkan Anjung Kasih YKN.

Seramai

76,638 

**orang penginap telah
mengambil manfaat di Anjung
Kasih YKN**





YB Puan Hannah Yeoh, Dato' KSU dan warga YKN semasa majlis perasmian Anjung Kasih di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah. Beliau turut melawat dan meninjau kemudahan yang disediakan.





1

ANJUNG KASIH YKN HOSPITAL PULAU PINANG

Perasmian dilakukan oleh YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YKNM.

2

ANJUNG KASIH YKN HOSPITAL RAJA PERMAISURI BAINUN IPOH, PERAK

Perasmian dijalankan oleh YB Puan Hannah Yeoh, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

3

ANJUNG KASIH YKN HOSPITAL TUANKU FAUZIAH, KANGAR, PERLIS

Penyerahan Kunci dilaksanakan oleh YBhg. Datin Paduka Che Asmah Ibrahim kepada pihak Hospital Tuanku Fauziah, Kangar, Perlis.

4

ANJUNG KASIH YKN HOSPITAL SULTANAH BAHIAH, ALOR SETAR

Perasmian dilakukan oleh YB Puan Hannah Yeoh, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.





YB Puan Hannah Yeoh meluangkan masa untuk bertanya khabar kepada waris yang menggunakan kemudahan Anjung Kasih di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah.



Lokasi, kapasiti dan impak Anjung Kasih YKN

LOKASI	BILANGAN KATIL	JUMLAH PENGINAP
ANJUNG KASIH YKN Hospital Selayang, Selangor	36	4,313
ANJUNG KASIH YKN Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Pahang	37	9,641
ANJUNG KASIH YKN Hospital Miri, Sarawak	31	14,321
ANJUNG KASIH YKN Hospital Umum Sarawak, Sarawak	104	9,344
ANJUNG KASIH YKN Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban, Negeri Sembilan	75	5,983
ANJUNG KASIH YKN Hospital Sibul, Sarawak	64	18,643
ANJUNG KASIH YKN Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh, Pahang	44	7,214
ANJUNG KASIH YKN Hospital Raja Permaisuri Bainun Ipoh, Perak	35	4,447
BETTER BRIGHTER ANJUNG KASIH YKN Hospital Serdang, Selangor	102	1,490
ANJUNG KASIH YKN Hospital Pulau Pinang	72	920
ANJUNG KASIH YKN Hospital Tuanku Fauziah, Perlis	20	45
ANJUNG KASIH YKN Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah	81	196
JUMLAH	701	76,638



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT (KPWKM)

NO 55, PERSIARAN PERDANA PRESINT 4, 62100, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.



+603 8000 8000



+603 8323 2000



info@kpwkm.gov.my



facebook.com/kpwkm



twitter.com/kpwkm

www.kpwkm.gov.my